

sendiri. Umpamanya baru-baru ini kita melihat sebuah gambar tersiar di Kuala Lumpur di dalam klinik-klinik kerajaan yang di dalamnya orang ramai terpaksa berebut-rebut mengambil ubat dan kadang-kadang tidak sempat mendapat ubat-ubat itu. Padahalnya atas perbuatan mencari maslahat sendiri adalah membencanakan kepada masyarakat kerana kemungkinan sesuatu penyakit segera mendapat ubat itu akan membahayakan kepada nyawa atau diri seseorang yang berkenaan.

Hal ini tentulah tidak akan diterima oleh rakyat dan bagi kerajaan pula sengaja mengikutkan pihak buruh yang tentunya terus-menerus tidak akan berpuas hati akan memikulkan pula perbuatan itu menjadi beban kepada rakyat sendiri dengan menaikkan cukai-cukai. Dengan menaikkan cukai itu, menaikkan harga barang-barang dengan menyakiti pula kedudukan maslahat rakyat jelata. Kerana maslahat rakyat jelata maka pengharaman kerajaan terhadap kepada buruh yang melakukan “kerja mengikut peraturan” dan “kerja perlahan-perlahan” itu, dalam masa darurat ini telah menjadi wajar dan menurut pendapat kita, bukan itu sahaja diharamkan, kerana maslahat dan kesejahteraan negara dan rakyat sendiri, dalam masa darurat ini, tetapi hendaklah diadakan pula pengharaman di atas pemogokan pekerja-pekerja di dalam semua bahagian sama ada yang bekerja dengan kerajaan atau di dalam perusahaan-perusahaan umum.

Orang-orang tidak keberatan akan adanya *union-union* dan tidak keberatan pula seseorang memasuki *union-union* itu, tetapi kalau orang-orang yang masih ber-*union* itu telah menjadi ahli *union* tidak menjalankan tanggungjawabnya ke atas tugas-tugasnya dan memandang majikan yang mengeluarkan modalnya sebagai “musuh” dan “pemerias” maka janganlah diharap ekonomi negara akan terselamat apalagi dalam masa darurat sekarang. Maslahat negara hendaklah dikawal dan perbuatan-perbuatan berlemah lembut kerajaan terhadap buruh-buruh

yang kurang menjaga maslahat majikan-majikan itu adalah suatu perbuatan yang tidak bijak.

Pada suatu pihak kerajaan menggalakkan supaya pemodal-pemodal mengadakan industri sebanyak-banyaknya bagi memberi kerja-kerja kepada penduduk sebagai buruh tetapi di sebaliknya maslahat pemodal-pemodal itu tidak dikawal terutamanya dalam hubungannya menghadapi buruh-buruh itu. Kita melihat sendiri banyak perusahaan baru dibuka beberapa bulan sudah timbul pemboikotan dan sudah timbul perbuatan-perbuatan bekerja mengikut peraturan dan bekerja perlahan-perlahan yang merugi dan membinasakan perusahaan yang baru itu.

Dengan tidak ada kawalan terhadap kepada kedudukan pemodal dalam menghadapi buruhnya bererti menjauhkan pemodal daripada membuka perusahaan dan dengan kerana itu tidaklah ada faedahnya kalau kerajaan tidak mengadakan peraturan terutama di dalam darurat itu untuk mengharamkan bukan sahaja kerja mengikut peraturan dan kerja perlahan-perlahan tetapi juga mengharamkan pemboikotan.

* * *

***Al-Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī* di Makkah**

Sesudah haji tahun ini iaitu pada 14 hingga 21 Dhu al-Hijjah bersamaan dengan 15 hingga 22 April 1965 *al-Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī* akan mengadakan suatu persidangan yang besar di Makkah al-Mukarramah untuk memikirkan tujuan-tujuan perjalanan persidangan itu, menyiasat perkembangan-perkembangan dan perjalanan agama Islam, merundingkan perkara-perkara umum hal ehwal Islam, hal ehwal iktisad Islam, kebudayaan dan hal ehwal persaudaraan Islam.

Di dalam perkembangan-perkembangan yang telah lalu *al-Rābiṭah al-‘Ālam*